



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

SIJIL KECEKAPAN BAHASA MELAYU BAGI WARGANEGARA ASING (SKBMW) TAHUN 2024

ARAHAN KEPADA CALON

**(ARAHAN KEPADA CALON INI MENGANDUNGI EMPAT (4) BAHAGIAN, IAITU
BAHAGIAN A, BAHAGIAN B, BAHAGIAN C, DAN BAHAGIAN D.)**

BHG.	PERKARA
A.	Aplikasi dan Spesifikasi Komputer: <p>1.1 Spesifikasi komputer yang diperlukan untuk peperiksaan ini:</p> <ul style="list-style-type: none"> 1.1.1 Sistem pengoperasian (OS): Windows 7 atau yang setara atau yang lebih tinggi 1.1.2 Perisian Pelayar (Browser): Chrome atau Firefox versi 83, Safari V14 atau yang setara atau yang lebih tinggi. 1.1.3 Resolusi minimum paparan: 1080 x 720 1.1.4 Kelajuan internet: Sekurang-kurangnya 10 mbps 1.1.5 Kapasiti data minimum: 10 GB 1.1.6 Sebarang jenis peranti selain daripada komputer meja atau komputer tidak boleh digunakan. <p>1.2 Calon akan menggunakan dua (2) aplikasi berlainan secara serentak sepanjang peperiksaan. Untuk tujuan pengawasan peperiksaan, calon dikehendaki menggunakan aplikasi Zoom, manakala untuk tujuan menjawab peperiksaan, calon perlu menggunakan aplikasi sistem peperiksaan.</p> <p>1.3 Untuk tujuan pengawasan peperiksaan, calon akan dibekalkan dengan pautan dan kata laluan untuk menggunakan aplikasi Zoom, yang tercetak pada Slip Pendaftaran Peperiksaan (SKBMW/D). Untuk mendapatkan maklumat yang lebih lanjut tentang penggunaan aplikasi Zoom, calon boleh merujuk kepada video tutorial di https://www.mpm.edu.my/skbmw/arahan-dan-panduan-menghadiri-ujian-skbmw</p> <p>1.4 Untuk sistem peperiksaan, calon akan dibekalkan pautan sistem peperiksaan pada Slip Pendaftaran Peperiksaan (SKBMW/D). Pautan ini hanya akan diaktifkan 15 minit sebelum peperiksaan berlangsung.</p> <p>1.5 PERINGATAN: CALON YANG GAGAL/TIDAK MENGAKTIFKAN BUTANG KAMERA PADA APLIKASI ZOOM SEMASA MENDUDUKI PEPERIKSAAN SKBMW AKAN MENYEBABKAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN CALON DIBATALKAN.</p> <p>1.6 Slip SKBMW/D boleh disemak mulai 8 Ogos 2024 bagi SKBMW Ogos dan 8 November 2024 bagi SKBMW November.</p> <p>1.7 Komputer yang digunakan mesti mempunyai kemudahan kamera dan mikrofon. Penggunaan alat pendengaran (<i>headphone/earphone</i>) digalakkan semasa sesi taklimat pengawasan. Calon DILARANG menggunakan sebarang alat pendengaran sebaik sahaja peperiksaan bermula.</p>

BHG.	PERKARA	
B.	Arahan Am Peperiksaan:	
B.1	Calon mesti berada di dalam bilik atau ruangan khas yang tidak ada orang lain bersama calon. Tempat awam seperti <i>cybercafe</i> , restoran, makmal komputer, dan sebagainya tidak dibenarkan .	
B.2	Calon perlu memastikan komputer yang digunakan mematuhi spesifikasi yang ditetapkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) (sila rujuk Aplikasi dan Spesifikasi Komputer pada Bahagian A).	
B.3	Calon hendaklah berpakaian sopan atau bersesuaian semasa menduduki peperiksaan ini. MPM akan mengaktifkan mod rakaman sepanjang berlangsungnya peperiksaan ini. MPM berhak untuk menggunakan rakaman tersebut atas urusan rasmi dan kes-kes khas.	
B.4	Calon dikehendaki berada di dalam talian pengawasan dalam aplikasi Zoom 1 jam sebelum kertas peperiksaan bermula untuk semakan kehadiran dan taklimat pengendalian peperiksaan.	
B.5	Calon dikehendaki menggunakan nama sebenar seperti pada slip pendaftaran peperiksaan (SKBMW/D) pada ruangan “ Name ” pada aplikasi Zoom.	
B.6	Calon dikehendaki menggunakan latar belakang tempat yang sebenar dan dilarang menggunakan sebarang virtual/blurred background semasa berada dalam talian aplikasi Zoom sepanjang berlangsungnya peperiksaan ini. PERINGATAN: CALON YANG GAGAL/TIDAK MENGAKTIFKAN BUTANG KAMERA PADA APLIKASI ZOOM SEMASA MENDUDUKI PEPERIKSAAN SKBMW AKAN MENYEBABKAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN CALON DIBATALKAN.	
B.7	Calon mesti membawa pasport semasa menduduki peperiksaan. Calon perlu mempamerkan pasport di sebelah kanan muka calon dalam tempoh masa selama 30 saat apabila diarahkan oleh Pengawas Peperiksaan. (Ini bagi tujuan merakamkan gambar calon). Calon yang gagal mempamerkan pasport apabila diminta berbuat demikian oleh Pengawas Peperiksaan akan dihalang daripada mengakses aplikasi sistem peperiksaan SKBMW.	
B.8	Calon dikehendaki memusingkan kamera (360 derajah) untuk menunjukkan keadaan di sekeliling bilik peperiksaan (<i>surrounding check</i>) bagi memastikan tiada individu lain bersama calon.	
C.	Arahan Keselamatan Peperiksaan:	
C.1	Calon dikehendaki untuk memastikan kamera pada komputer dan butang kamera pada aplikasi Zoom yang digunakan bagi peperiksaan ini dalam mod buka (on) 1 jam sebelum peperiksaan bermula sehingga peperiksaan tamat bagi tujuan taklimat/rakaman. PERINGATAN: CALON YANG GAGAL/TIDAK MENGAKTIFKAN BUTANG KAMERA PADA APLIKASI ZOOM SEMASA MENDUDUKI PEPERIKSAAN SKBMW AKAN MENYEBABKAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN CALON DIBATALKAN.	

BHG.	PERKARA	
C.2	C.2.1	dilarang membawa buku/nota/kertas/dokumen/gambar kecuali kertas kosong sebagai kertas contengan/lakaran (tidak mempunyai tulisan di bahagian hadapan dan belakang kertas).
	C.2.2	dilarang melakukan perbuatan yang mencurigakan seperti seolah-olah merujuk kepada sesuatu (nota dan sebagainya) semasa menjawab soalan.
	C.2.3	dilarang berhubung dengan calon peperiksaan/individu lain atau melakukan perbuatan seolah-olah bercakap dengan individu lain.
	C.2.4	dilarang membawa sebarang peranti elektronik kecuali kalkulator.
	C.2.5	dilarang meniru jawapan daripada calon/individu lain.
	C.2.6	dilarang menerima jawapan daripada calon/individu lain.
	C.2.7	dilarang untuk mewakilkan individu lain untuk menjawab soalan bagi pihak calon.
	C.2.8	dilarang membuka aplikasi atau <i>window</i> lain pada komputer yang digunakan atau menggunakan sebarang peranti lain semasa peperiksaan.
	C.2.9	dilarang berada bersama individu lain di sepanjang tempoh peperiksaan.
	C.2.10	dilarang menggunakan sebarang <i>virtual/blurred background</i> .
	C.2.11	dilarang merakam atau mengambil gambar soalan yang dipaparkan.
	C.2.12	dilarang membuat sebarang gangguan.
	C.2.13	dilarang meninggalkan talian pengawasan tanpa memaklumkan kepada pengawas peperiksaan sepanjang tempoh peperiksaan berlangsung jika belum tamat menjawab (<i>log-out</i>).
C.3	Sebarang perbuatan salah laku yang disebutkan di atas akan mengakibatkan keputusan peperiksaan calon dibatalkan , selaras dengan Kaedah 3 dan 4, Kaedah-Kaedah Majlis Peperiksaan Malaysia (Tatacara Dalam Kes Salah Laku – 1986).	
	C.4	Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) akan melaporkan kepada Ketua Jabatan tempat calon bertugas sekiranya calon didapati sabit bersalah kerana melakukan perbuatan salah laku semasa peperiksaan.
D.	Prosedur Peperiksaan Secara Dalam Talian (<i>Online</i>):	
	D.1	Calon dikehendaki untuk klik pada aplikasi sistem peperiksaan SKBMW dan <i>log in</i> 15 minit sebelum peperiksaan bermula.
	D.2	Calon dikehendaki untuk membaca arahan soalan yang dipaparkan pada skrin dengan teliti sebelum menjawab soalan.
	D.3	Calon dikehendaki untuk menjawab soalan mengikut urutan yang dipaparkan oleh sistem peperiksaan SKBMW
	D.4	Calon akan dipaparkan dengan paparan <i>Arahan kepada calon</i> sebaik sahaja masa peperiksaan bermula.
	D.5	Calon dikehendaki untuk menekan butang ' Seterusnya ' bagi mula menjawab soalan. Baki waktu yang tinggal akan dipaparkan pada skrin komputer/komputer riba.

BHG.	PERKARA
D.6	Calon perlu menjawab satu soalan dan kemudian klik ‘Seterusnya’ untuk menghantar jawapan itu. Soalan seterusnya hanya akan dipaparkan apabila soalan sebelumnya telah dihantar. Hanya satu soalan yang akan dipaparkan pada satu masa.
D.7	Calon boleh melihat kembali atau mengubah jawapan yang telah dihantar.
D.8	Calon yang keluar dari aplikasi sistem peperiksaan SKBMW sebelum waktu peperiksaan tamat dan soalan belum habis dijawab boleh mengakses semula (<i>log in</i>) aplikasi sistem peperiksaan SKBMW untuk menyambung menjawab soalan. Namun begitu, soalan yang terpapar ialah soalan terakhir yang belum dijawab.
D.9	Calon yang telah selesai menjawab semua soalan atau belum menghantar jawapan sebelum masa peperiksaan tamat dengan menekan butang HANTAR (<i>END OF EXAM</i>) , akan menerima notifikasi “THE EXAM HAS ENDED. THANK YOU.” yang terpapar pada skrin komputer calon. Jawapan akan disimpan secara automatik setelah menekan butang OK .
D.10	Soalan tidak akan dipaparkan lagi apabila masa menjawab telah tamat dan notifikasi “THE EXAM HAS ENDED. THANK YOU.” akan terpapar pada skrin komputer calon.
D.11	Calon boleh mengemukakan sebarang pertanyaan berkaitan dengan peperiksaan yang sedang diduduki secara dalam talian itu melalui ruangan ‘Chat’ dalam aplikasi Zoom.
D.12	Video tutorial sebagai panduan untuk menduduki sistem peperiksaan SKBMW boleh diakses melalui pautan berikut: https://www.mpm.edu.my/skbmw/arahan-dan-panduan-menghadiri-ujian-skbmw